

Penerokaan Awal Terhadap Jenayah Seksual Dalam Kalangan Remaja Lelaki Di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Remaja Di Sebuah Pusat Pemulihan

Haja Mydin Abdul Kuthoos^{a,*}, Noraida Endut^a, Azman Azwan Azmawati^b, Intan Hashimah
Mohd Hashim^c, Nor Hafizah Selamat^{a,c}

^a Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA)

^b Pusat Pengajian Komunikasi

^c Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

*Corresponding Email: hajamydinusm@gmail.com

Abstrak

Isu krisis akhlak dan moral golongan remaja di Malaysia semakin membimbangkan. Statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun bagi jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana. Statistik yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2013 menunjukkan sebanyak 7,816 kes dicatatkan berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes termasuk bagi jenayah seksual seperti rogol dan liwat. Melihat kepada perkembangan ini, adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan jenayah seksual tersebut agar pencegahan awal dapat dilakukan bagi mengelak penglibatan orang muda dalam jenayah khususnya dalam jenayah seksual. Maka, kajian ini dilakukan sebagai penerokaan awal terhadap jenayah seksual dalam kalangan remaja lelaki di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, pendekatan kaedah kualitatif telah digunakan dengan menjalankan temubual mendalam bersama 6 orang pesalah juvana yang menjalani hukuman pemulihan di sebuah pusat pemulihan di Pulau Pinang. Temubual ini memberikan gambaran yang mendalam tentang pengalaman dan perasaan juvana lelaki yang terlibat dalam jenayah seksual. Hasil kajian ini menunjukkan pengaruh rakan sebaya, keadaan keluarga, suka sama suka dan individu itu sendiri menjadi salah satu faktor yang mendorong berlakunya jenayah seksual.

Kata kunci: *Jenayah; Jenayah Seksual; Juvana lelaki; Malaysia.*

1. Pengenalan

Isu krisis akhlak dan moral golongan remaja di Malaysia semakin membimbangkan. Statistik menunjukkan peningkatan sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun bagi jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana. Statistik yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2013 menunjukkan sebanyak 7,816 kes dicatatkan berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes termasuk bagi jenayah seksual seperti rogol dan liwat (myMetro, 2015).

Kajian mendapati bahawa remaja lelaki mempunyai risiko melakukan salah laku sosial

sebanyak dua kali ganda jika dibandingkan dengan remaja perempuan. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa wujud hubungan yang bererti antara bangsa dengan salah laku sosial remaja. Remaja berbangsa Melayu didapati dua kali ganda lebih berisiko terlibat dalam salah laku sosial berbanding bangsa bukan Melayu (Jamsiah dan Hazlinda, 2009). Melalui kajian lalu juga mendapati bahawa wujud hubungan yang bererti antara jantina dan salah laku remaja (Lee *et al.*, 2006). Manakala kajian yang dilakukan oleh Zulkifli *et al.* (1995), terhadap salah laku seksual mendapati bahawa wujud perbezaan yang bererti di antara jantina lelaki sebanyak 26% dan perempuan sebanyak 5% dalam melakukan aktiviti seksual.

Walaupun, banyak kajian yang dilakukan bagi mengkaji penglibatan remaja dalam salah laku sosial, namun melalui tinjauan literatur yang dilakukan, didapati kajian berkaitan penglibatan remaja lelaki dalam jenayah seksual adalah terhad di Malaysia. Melihat kepada perkembangan ini, adalah penting untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan jenayah seksual tersebut agar pencegahan awal dapat dilakukan bagi mengelak penglibatan orang muda dalam jenayah khususnya dalam jenayah seksual.

2. Sorotan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Joy Trotter (2006) dengan judul “*Violent Crimes? Young People’s Experiences of Homophobia and Misogyny in Secondary Schools*” meneroka pengalaman dan pandangan remaja tentang keganasan berkaitan seksual di sekolah mereka. Pengkaji menunjukkan bahawa ramai remaja mempunyai pengalaman gangguan seksual dan buli di sekolah-sekolah sekitar United Kingdom, dan walaupun terdapat peningkatan dalam kajian seumpama ini yang mencadangkan bahawa homophobia dan kebencian terhadap wanita (*misogyny*) saling berkaitan namun ada juga segelintir yang membincangkan isu ini dari segi jenayah. Joy Trotter menggunakan kaedah temubual berkumpulan semi-struktur terhadap 19 orang remaja yang kemudiannya rakaman temubual tersebut ditranskrib dan di analisis.

Para responden yang dipilih tidak sabar untuk kongsi tentang pengalaman menghadapi gangguan seksual dan keganasan yang dialami oleh mereka secara harian di sekolah. Hal ini adalah disebabkan oleh peluang mereka yang terhad untuk membincangkan isu-isu tersebut bersama pakarnya dan mereka juga tidak ditanya tentang hal ini di sekolah. Apabila persoalan yang dibangkitkan tentang kesan yang mungkin disebabkan oleh pengalaman ini maka cadangan yang diberikan adalah supaya menambahbaik praktis profesional. Pekerja sosial mungkin dapat mengetahui tahap keganasan homophobia dan

kebencian terhadap wanita di sekolah dengan mendengar dan belajar daripada remaja. Pekerja sosial juga boleh membantu mereka dengan menyediakan bahasa dan kesahihan terhadap akaun mereka serta membantu mereka yang menjadi mangsa jenayah.

Pada tahun 1983, Ageton telah menjalankan soal selidik menggunakan persampelan kebarangkalian ke atas remaja lelaki yang berumur 13 hingga 19 tahun bagi tujuan kajiannya. Ageton telah mentakrifkan serangan seksual (*sexual assault*) sebagai semua jenis paksaan tingkah laku seksual yang melibatkan perhubungan dengan anggota seksual. Takrifan ini turut meliputi tingkah laku seperti cumbuan, sumbang mahram, liwat dan juga rogol. Ageton mengecualikan tindakan lain yang tidak melibatkan perhubungan fizikal. Sepatutnya meraba, turut dimasukkan dalam kategori serangan seksual kerana tingkah laku meraba juga melibatkan anggota-anggota seksual dan boleh dilakukan secara paksaan. Namun, meraba tidak dimasukkan dalam kategori tersebut oleh Ageton. Menurut kajiannya kadar tertinggi serangan seksual adalah ke atas remaja lelaki yang berusia dalam lingkungan 17 tahun. Ageton menganggarkan kadar serangan seksual per 100,000 remaja lelaki adalah daripada 5,000 hingga 16,000. Anggaran ini diperolehi berdasarkan analisisnya ke atas sampel remaja lelaki seramai 863 orang. Hal ini menunjukkan bagaimana berleluasanya gejala ini berlaku dalam masyarakat.

Menurut Sharma (2012), kebanyakan tahanan juvana direkodkan mempunyai hubungan yang bermasalah dan terganggu dengan ahli keluarga mereka. Persekitaran keluarga mereka terlalu sukar dan pengaruh keluarga pada peringkat awal kehidupan para juvana amat perit. Ibubapa yang kurang baik untuk dicontohi, keganasan, penderaan alkohol, cara didikan yang salah serta keadaan kehidupan yang miskin merupakan antara faktor yang utama mendorong tingkah laku jenayah. Anak-anak akan memilih cara yang salah untuk memuaskan kehendak mereka sekiranya mereka tidak mempunyai peluang dan ruang untuk memuaskan kehendak mereka mengikut saluran yang betul. Kajian yang dilakukan oleh Frick (1993) melaporkan bahawa wujud kaitan antara pemantauan ibubapa yang rendah dan kurang pengetahuan tentang aktiviti anak-anak dengan masalah tingkah laku anak-anak mereka (seperti yang dipetik daripada Sharma, 2012). Manakala Barber (1992) pula kaitkan pemantauan ibubapa yang buruk dengan masalah tingkah laku remaja (seperti yang dipetik daripada Sharma, 2012). Manakala dapatan kajian yang dijalankan oleh Siti Noor Fazariah *et al.* (2016) tentang hubungan antara ikatan kekeluargaan dengan masalah tingkah laku dalam kalangan pesalah muda, menunjukkan bahawa semakin tinggi ikatan ibubapa dalam sebuah

keluarga maka semakin rendah masalah tingkah laku remaja dalam keluarga tersebut.

Menurut kajian Jamsiah dan Hazlinda (2009) terhadap faktor yang mendorong salah laku sosial dalam kalangan remaja di daerah Melaka Tengah didapati bahawa daripada 292 orang responden (152 pelajar lelaki dan 140 pelajar perempuan) yang pernah melakukan salah laku, jenis salah laku yang mendapat prevalens yang tinggi di kalangan responden lelaki ialah melepak (53.4%), menonton filem pornografi (47.7%), ponteng sekolah (36.3%) dan keluar rumah hingga larut malam (30.6%) manakala di kalangan responden perempuan pula, melakukan aktiviti praseksual (30.8%), ponteng sekolah (24.4%), melepak (23.5%) dan menonton filem pornografi (12.2%) merupakan prevalens yang tinggi.

Mohd Dahlan dan Ida Shafinaz (2010), mengatakan bahawa bahan-bahan dalam media elektronik seperti televisyen, radio dan laman sesawang menjadi faktor yang menggalakkan golongan remaja terdedah kepada pornografi, pelacuran, keganasan, dadah, seks bebas dan masalah sosial yang lain. Para remaja dikatakan sebagai golongan yang mudah terdorong untuk mencuba aksi-aksi berahi dan ganas yang ditonton oleh mereka hingga terbabit dalam hubungan seks awal remaja, pelacuran, homoseksual dan lain-lain. Kecanggihan teknologi membolehkan akses yang mudah kepada remaja terhadap capaian dan sebaran bahan lucah menjadi punca peningkatan jumlah remaja yang hamil luar nikah dan pembuangan bayi (Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 2010). Hasil kajian yang dilakukan oleh Khadijah *et al.* (2012), menunjukkan bahawa laman sesawang menjadi sumber kepada responden kajian untuk mendapatkan bahan lucah dan pornografi serta kenalan yang sama minat dengan mereka. Daripada 124 responden yang terlibat dalam salah laku seks, didapati seramai 105 responden terlibat akibat terpengaruh dengan pornografi (Siti Salwani, 2009).

Kajian Azizi (2008), yang bertajuk “Pembentukan Personaliti Remaja” mengatakan bahawa faktor-faktor seperti baka, fizikal, bentuk tubuh badan, emosi, kecerdasan, pengaruh keluarga, pengalaman awal sewaktu kanak-kanak, pengaruh budaya, pengaruh sekolah serta pengaruh rakan sebaya mempengaruhi pembentukan personaliti remaja. Kajian yang dilakukan oleh Khadijah *et al.* (2012), mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi salah satu faktor yang mendorong penglibatan remaja dalam kes hamil luar nikah. Hampir kesemua responden kajian mendapat pengetahuan seks melalui rakan sebaya. Cinta menjadi salah satu faktor yang mendorong remaja terlibat dalam salah laku seks (Rafidah, 2001). Dalam teori psikologi cinta yang dicadangkan oleh Sternberg dan Barnes (1988), wujud tiga peringkat iaitu keberahian, hubungan intim dan mengambil tanggungjawab. Cinta remaja akan berakhir

diperingkat pertama dan kedua dan tidak boleh mencapai peringkat ketiga kerana belum boleh menjalankan komitmen penjagaan terhadap orang lain.

3. Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai cara mengumpulkan data. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam bersama enam orang pesalah juvana yang menjalani hukuman pemulihan di sebuah pusat pemulihan di Pulau Pinang. Sebelum data dikumpulkan, para penyelidik telah terlebih dahulu meminta kelulusan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana pusat pemulihan tersebut di bawah penyeliaan kementerian tersebut. Penyelidik juga telah memohon kebenaran daripada pentadbir pusat pemulihan tersebut bagi menjalankan temubual setelah mendapat kelulusan daripada kementerian yang terlibat. Pentadbir pusat pemulihan tersebut memilih sendiri enam orang pesalah juvana untuk menjalankan temubual bersama penyelidik. Sebelum memulakan temubual, penyelidik memaklumkan terlebih dahulu kepada responden tujuan dan latarbelakang kajian. Penyelidik telah memberikan borang keizinan dan maklumat kajian kepada semua responden.

Walaupun responden dipilih oleh pihak pentadbir pusat pemulihan, penyelidik memastikan bahawa responden benar-benar menyatakan bahawa mereka akan menjawab temubual secara sukarela. Setiap responden diberikan borang keizinan untuk ditandatangani sebagai persetujuan mengambil bahagian dalam kajian. Setiap responden juga diberikan borang maklumat kajian untuk simpanan dan rujukan responden pada masa hadapan. Responden diberitahu bahawa mereka boleh berhenti memberikan maklumbalas kepada temubual pada bila-bila masa mereka berasa tidak selesa dengan temubual tersebut. Sesi temubual dijalankan oleh pengkaji di bilik tertutup dengan menggunakan alat perakam suara. Rakaman suara juga dilakukan setelah mendapat keizinan responden. Temubual ini meliputi maklumat demografi responden, latarbelakang keluarga, pengalaman dan sejarah penglibatan dalam jenayah.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Profil Responden

Secara keseluruhannya, responden kajian ini berumur di antara 14 dan 19 tahun sewaktu temubual dijalankan. Kesemua responden yang ditemubual adalah berbangsa Melayu dan

beragama Islam. Tahap pendidikan responden adalah majoritinya tidak tamat pengajian peringkat sekolah menengah dan berhenti belajar separuh jalan. Hanya seorang yang telah tamat belajar sehingga SPM iaitu Ali¹⁰ dengan keputusan 1A 1B 2C 1D 1E 1G. Manakala Syah berhenti belajar selepas peperiksaan PMR kerana tidak minat belajar, Man tidak habis Tingkatan 3, Abu pula belajar di Giat Mara setelah tamat PMR sebelum dimasukkan ke pusat pemulihan tersebut, Din pula belajar Tingkatan 1 sebelum dimasukkan ke pusat pemulihan tersebut dan Boy pula belajar sehingga Tingkatan 3. Kesemuanya tidak dapat mengikuti persekolahan harian biasa kerana menjalani hukuman tahanan pusat pemulihan tersebut. Namun, mereka mengikuti kelas kemahiran yang disediakan di pusat pemulihan tersebut. Daripada 6 orang responden, 3 orang responden terlibat dengan jenayah seksual rogol iaitu Ali, Syah dan Man, manakala 3 orang responden lagi iaitu Abu, Din dan Boy terlibat dengan jenayah seksual liwat.

Kebanyakan responden berasal daripada keluarga bercerai berai dan miskin serta mempunyai adik beradik yang ramai. Misalnya, Ali mempunyai 8 orang adik beradik dan dia merupakan anak ke-6. Ibubapa Ali masih bersama dan bapanya berkerja sebagai pemandu bas. Syah pula merupakan anak ke-4 daripada 8 orang adik beradik dan bapanya berkerja sebagai nelayan merupakan suami ke-3 ibunya. Man pula anak bongsu daripada 10 orang adik beradik, ibubapanya telah bercerai 11 tahun lalu dan bapanya telah berkahwin lain serta tidak ambil tahu tentang Man sekeluarga lagi. Ibu bapa Abu masih bersama dan bapanya berkerja sebagai petani serta memiliki anak seramai 5 orang termasuk Abu. Din merupakan anak bongsu daripada 4 orang adik beradik, ibubapanya masih bersama namun bapanya yang berkerja di hotel telah berkahwin dua. Manakala Boy pula merupakan anak tunggal dan ibubapanya telah bercerai. Ibu Boy telah berkahwin buat kali ke-3. Hampir kesemua ibu responden hanya berkerja sebagai surirumah. Hanya ibu kepada Boy sahaja yang berkerja sebagai operator kilang dan ibu Din berkerja di kedai makan.

4.2 Pengaruh rakan sebaya

Golongan remaja menghabiskan masa yang paling banyak bersama rakan sebaya mereka berbanding dengan keluarga mahupun guru-guru sekolah. Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar ke atas pembentukan tingkah laku dan sikap remaja. Para remaja lebih

¹⁰ Semua nama yang digunakan untuk rujukan responden adalah bukan nama sebenar.

mempercayai dan selesa rakan-rakan sebaya mereka berbanding ibubapa mereka sendiri. Hal ini terbukti apabila kesemua responden menyatakan bahawa mereka hanya akan berkongsi masalah dengan rakan-rakan mereka dan tidak akan berkongsi dengan ibubapa mereka. Pemilihan rakan-rakan yang salah menyebabkan remaja terpengaruh dan terikut dengan sikap dan tingkah laku mereka. Man menyatakan bahawa dia bersama rakan-rakannya akan memukul dan mengugut pelajar lain bagi meminta wang. Ali menyatakan bahawa rakan-rakannya sering mengajaknya menonton video seks dan bersembang tentang seks bersamanya. Syah dan Ali juga menyatakan ramai rakan-rakan mereka yang telah melakukan seks bersama teman wanita mereka namun mereka tidak tertangkap kerana keluarga mereka tidak tahu aktiviti seksual tersebut dan tidak menyebabkan mengandung. Ali menyatakan bahawa sekiranya ada teman wanita rakannya yang mengandung maka rakan-rakannya akan belikan pil bagi menggugurkan kandungan tersebut. Syah menyatakan bahawa rakannya tahu yang dia melakukan seks bersama teman wanitanya namun rakan-rakannya tidak menghalang malah rakannya memberikan kunci rumahnya sewaktu tiada orang di rumah bagi membolehkan Syah melakukan seks bersama teman wanitanya. Abu pula mempertahankan diri dengan mengatakan dirinya tidak melakukan apa-apa kesalahan tetapi dia didakwa atas tuduhan bersubahat dengan jenayah liwat. Hal ini kerana Abu telah membela rakannya yang melakukan jenayah liwat dengan membuat pengakuan palsu di mahkamah bahawa rakannya tidak melakukan jenayah tersebut. Dia membuat pengakuan palsu itu kerana diminta oleh rakannya untuk berbuat sedemikian.

Kajian Azizi (2008), mengatakan bahawa pengaruh rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti remaja. Kajian yang dilakukan oleh Khadijah *et al.* (2012), mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi salah satu faktor yang mendorong penglibatan remaja dalam kes hamil luar nikah. Hampir kesemua responden kajian mendapat pengetahuan seks melalui rakan sebaya.

4.3 Keadaan keluarga

Ibubapa dan ahli keluarga lain sepatutnya menjadi pelindung dan pembimbing remaja agar para remaja tidak terjebak dalam masalah sosial. Insitisi kekeluargaan yang kukuh akan membantu para remaja membentuk personaliti dan tingkah laku yang positif. Ikatan keluarga yang longgar akan membawa remaja terlibat dengan masalah sosial dan jenayah. Kebanyakan responden kajian ini berasal daripada keluarga yang berbecha belah seperti yang dihuraikan di

profil responden. Kesemua responden menyatakan bahawa mereka hanya akan berkongsi masalah bersama rakan-rakan mereka dan tidak akan berkongsi dengan keluarga atau pihak sekolah. Boy, Syah dan Man mengatakan bahawa mereka kurang rapat dengan keluarga. Man menyatakan bahawa dia tidak mengenali adik beradiknya sendiri dan tidak tahu turutan adik beradiknya. Man hanya kenal adik beradiknya setelah ditunjukkan oleh bapanya menggunakan album gambar keluarga. Adik beradik Man tidak pernah ambil tahu tentangnya dan ayah Boy juga tidak pernah mengambil tahu tentang Boy setelah ibubapa mereka bercerai. Selain itu, kurang perhatian keluarga juga menjadi salah satu faktor yang mendorong berlakunya jenayah seksual. Syah menyatakan bahawa dia selalu pulang ke rumah lewat 3, 4 atau 5 pagi dan bapanya keluar berkerja awal pagi maka dia jarang bertemu bapanya. Bapanya juga tidak marah sekiranya melibatkan hal-hal hubungan Syah dengan perempuan tetapi hanya akan marah sekiranya hisap dadah atau ganja. Din pula menyatakan bahawa dia sering terganggu disebabkan keluarga kerana ibubapanya sering bergaduh kerana bapanya mempunyai isteri ke-2. Walaupun Ali terlibat dengan jenayah seksual namun dia tidak ketinggalan dalam akademik kerana mempunyai ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh berbanding responden-responden yang lain. Ali menyatakan bahawa:

Selalu mak ayah ada bawa kami sekeluarga pergi berkelah kat kampong atas bukit.

Kebanyakan kajian-kajian lalu menyatakan bahawa wujud perkaitan antara hubungan keluarga dengan masalah tingkah laku remaja. Didapati bahawa semakin rendah ikatan dan pemantauan keluarga maka semakin tinggi masalah tingkah laku remaja dalam keluarga tersebut (Sharma: 2012, Siti Noor Fazariah *et al.*: 2016, Frick: 1993 dan Barber: 1992). Ibubapa sepatutnya bertanggungjawab memberikan perhatian dan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak mereka. Mereka juga seharusnya menjadi role model yang baik untuk dicontohi oleh anak-anak mereka.

4.4 Suka sama suka

Hubungan kawan-kawan dan percintaan yang melebihi batas pergaulan serta didorong oleh faktor persekitaran menyebabkan para remaja terlibat jenayah seksual. Kebanyakan responden tidak merasakan jenayah seksual yang mereka lakukan itu sebagai sebuah jenayah kerana mereka mendakwa melakukannya bersama teman wanita dan teman lelaki mereka atas dasar suka sama suka. Namun disebabkan aktiviti seksual tersebut telah diketahui keluarga “mangsa” dan ahli keluarga mereka melaporkan kepada pihak polis maka para responden

ditahan atas dakwaan merogol “mangsa” dibawah umur atau meliwat. Din mengatakan bahawa dia melakukan jenayah liwat terhadap rakannya (“mangsa”) atas persetujuan bersama dan rela namun Din ditangkap setelah “mangsa” memaklumkan kejadian tersebut kepada ahli keluarga dan mereka bertindak melaporkan kepada pihak polis. Man dan Syah mengatakan bahawa mereka melakukan hubungan seks secara suka sama suka. Manakala Ali pula menyatakan bahawa:

Rogol ni bukan rogol sebenarnya, suka sama suka, awek sendiri. Tapi bawah umur. Masa tu saya umur 17 dia umur 16. Kami kawan dah 5 tahun. Lepas tu ayah dia buat report kata saya rogol anak dia...(Ali)

Malah responden juga tidak dapat membawa hubungan cinta mereka ke tahap yang lebih tinggi seperti komitmen dan mengambil tanggungjawab. Hubungan seksual responden hanyalah berasaskan keberahian dan memuaskan nafsu semata-mata. Man mengatakan bahawa dia tiada niat pun nak menjalinkan hubungan seksual dengan remaja perempuan tersebut tetapi disebabkan dia digoda maka dia pun tidak dapat menahan nafsunya. Manakala Ali pula menyatakan bahawa:

Dia tak beritahu yang dia mengandung. Kalau dia beritahu, saya akan beritahu kawan, kawan biasa beli ubat gugur tu. Ataupun tengok lah kalau kahwin ke apa.

Dapatan ini bertepatan seperti yang dinyatakan oleh Rafidah (2001) bahawa cinta menjadi salah satu faktor yang mendorong remaja terlibat dalam salah laku seks. Dapatan ini juga selari dengan teori psikologi cinta yang dicadangkan oleh Sternberg dan Barnes (1988) bahawa wujud tiga peringkat iaitu keberahian, hubungan intim dan mengambil tanggungjawab. Cinta remaja akan berakhir diperingkat pertama dan kedua dan tidak boleh mencapai peringkat ketiga kerana belum boleh menjalankan komitmen penjagaan terhadap orang lain. Hal ini menyebabkan mereka mencari jalan untuk hapuskan bukti jenayah seperti pil menggugurkan kandungan tanpa memikirkan risiko kesihatan jangka panjang.

4.5 Sikap sendiri

Kekurangan jati diri membuatkan seseorang tidak mempunyai kawalan terhadap diri sendiri. Apabila seseorang mudah hilang kawalan terhadap dirinya sendiri maka dengan mudah membolehkan seseorang hilang arah dan terlibat dengan unsur-unsur negatif. Oleh itu, pembinaan personaliti yang positif adalah penting dalam membina integriti, sikap dan tingkah laku yang baik. Kegagalan membina personaliti yang baik menyebabkan diri sendiri

memulakan langkah ke arah pilihan yang salah. Ali menyatakan bahawa disendiri yang memulakan tindakan dalam jenayah seksual dengan pasangannya. Kegagalan membina personaliti juga menyebabkan para responden tidak memberikan maklum balas yang baik terhadap teguran yang diberikan oleh keluarga. Syah dan Abu menyatakan bahawa:

Malam balik lewat 2-3 pagi. Kadang-kadang tak balik. Ayah garang. Garang tapi tak dengar juga. (Syah)

Mak ayah ada ajar sembahyang, tapi tak buat, kadang-kadang saya wayang depan depa, buat-buat sembahyang. (Abu)

Kajian Azizi (2008), yang bertajuk “Pembentukan Personaliti Remaja” mengatakan bahawa faktor-faktor seperti baka, fizikal, bentuk tubuh badan, emosi, kecerdasan, pengaruh keluarga, pengalaman awal sewaktu kanak-kanak, pengaruh budaya, pengaruh sekolah serta pengaruh rakan sebaya mempengaruhi pembentukan personaliti remaja. Maka pembinaan personaliti yang positif adalah penting dalam membina jati diri remaja.

4.6 Media

Media amat berkuasa dalam mengubah atau membentuk sikap seseorang terutamanya remaja kerana zaman remaja merupakan fasa berlakunya transformasi dari segala aspek termasuk mental dan fizikal. Keadaan dunia tanpa sempadan kini membuatkan para remaja kini meluangkan masa yang banyak dengan teknologi. Tiadanya kawalan ke atas akses dan kandungan media dan teknologi menyebabkan responden bebas menggunakannya tanpa sekatan. Mereka berkenalan dengan orang-orang yang mempunyai minat yang sama dalam media sosial yang akhirnya membawa kepada berlakunya jenayah seksual. Misalnya Syah menyatakan bahawa dia mengenali “mangsa”nya daripada laman sosial facebook. Abu pula menyatakan bahawa dia lebih kerap meluangkan masa di café siber bersama kawan-kawan luar sekolahnya berbanding dengan melakukan aktiviti riadah petang. Ali menyatakan bahawa dia dan teman wanitanya sering bersembang secara lucah melalui telefon bimbit yang akhirnya membawa kepada jenayah rogol. Ali juga menyatakan bahawa kawan-kawannya sering mengajaknya menonton video lucah tetapi Ali tidak berminat namun habis sahaja menonton video, mereka akan bersembang tentang seks. Hal ini menjadi salah satu faktor yang mendorong Ali terlibat dengan aktiviti seks. Din pula terlibat dengan jenayah liwat kerana didorong oleh adegan lucah dalam filem yang di tontonnya menerusi DVD milik ayahnya di rumah. Din menyatakan bahawa:

Kat rumah saya, tengok citer perang tu tengok-tengok ada citer ni. Tu kawan ayah punya. Ayah pinjam. Ayah selalu tengok citer perang-perang. Tak tau plak ada tu. Lepas tengok tu dua-dua nak buat.

Mohd Dahlan dan Ida Shafinaz (2010), mengatakan bahawa bahan-bahan dalam media elektronik seperti televisyen, radio dan laman sesawang menjadi faktor yang menggalakkan golongan remaja terdedah kepada pornografi, pelacuran, keganasan, dadah, seks bebas dan masalah sosial yang lain. Para remaja dikatakan sebagai golongan yang mudah terdorong untuk mencuba aksi-aksi berahi dan ganas yang ditonton oleh mereka hingga terbabit dalam hubungan seks awal remaja, pelacuran, homoseksual dan lain-lain. Kecanggihan teknologi membolehkan akses yang mudah kepada remaja terhadap capaian dan sebaran bahan lucah menjadi punca peningkatan jumlah remaja yang hamil luar nikah dan pembuangan bayi (Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 2010). Hasil kajian yang dilakukan oleh Khadijah *et al.* (2012), menunjukkan bahawa laman sesawang menjadi sumber kepada responden kajian untuk mendapatkan bahan lucah dan pornografi serta kenalan yang sama minat dengan mereka. Daripada 124 responden yang terlibat dalam salah laku seks, didapati seramai 105 responden terlibat akibat terpengaruh dengan pornografi (Siti Salwani, 2009).

5. Kesimpulan

Secara kesimpulannya 5 faktor utama iaitu pengaruh rakan sebaya, keadaan keluarga, suka sama suka, sikap sendiri dan media telah dikenalpasti melalui kajian ini yang mendorong penglibatan remaja dalam masalah sosial khususnya jenayah seksual. Kesemua 5 faktor ini saling berkaitan antara satu sama lain dan perlu diberikan perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menangani penglibatan remaja dalam masalah salah laku atau jenayah khususnya dalam jenayah seksual. Institusi pendidikan perlu diperkasakan agar dapat mendidik pelajar memiliki jati diri yang tinggi dan menjadi ibubapa yang lebih bertanggungjawab pada masa hadapan. Pihak media dan pihak berkuasa perlu lebih bertanggungjawab dengan menapis isi kandungan media agar lebih mendidik pengguna.

Kajian ini hanya memfokuskan faktor-faktor yang mendorong remaja terlibat dalam jenayah seksual. Bagi kajian masa hadapan, dicadangkan untuk menilai pengalaman pendidikan harian remaja yang terlibat dengan jenayah seksual atau masalah salah laku. Hal ini kerana kebanyakan remaja yang terlibat dengan jenayah kurang berminat dengan sistem pendidikan yang mereka ikuti sehinggakan ramai yang ponteng sekolah dan lebih teruk lagi

berhenti diseparuh jalan. Kajian tersebut akan membantu pihak yang bertanggungjawab untuk menilai semula sistem pendidikan negara dan menyelamatkan semula remaja daripada tercedir daripada pendidikan formal.

6. Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh geran Universiti Penyelidikan *TopDown* “A profiling of youth with crime experiences: A gender perspective” no akaun geran 1001/CSL/870022.

7. Rujukan

- Ageton, S. (1983). *Sexual assault among adolescents*, Lexington, MA: Lexington Books.
- Azizi, Y. (2008). Pembentukan personaliti remaja. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga*, 1-16.
- Jamsiah, M. dan Hazlinda, H. (2009). Faktor pendorong salah laku sosial dalam kalangan remaja dalam daerah Melaka Tengah. *Jurnal of Community Health*, 15(1), 21-31.
- Laporan Jabatan Siasatan Jenayah. (2010). Polis Diraja Malaysia.
- Lee, L.K., Chen, P.C.Y., Lee, K.K. dan Kaur, J. (2006). Premarital Sexual Intercourse Among Adolescents in Malaysia: A Cross-Sectional Malaysian School Survey. *Singapore Med J*, 46 (6), 476- 481.
- Mohd Dahlan A. M., dan Ida Shafinaz, M. K. (2010) Jenayah dan masalah sosial di kalangan remaja: cabaran dan realiti dunia siber. Dalam: *Program Jenayah Cyber dan Isu Pernerdagangan manusia di Malaysia*, 26 Aug 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. 1-8.
- myMetro. (2015). "Statistik moral remaja kita". <http://www.hmetro.com.my/node/36116>.
- Rafidah Hj Kastawi. (2001). Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan yang dialami oleh Remaja Hamil tanpa Nikah. *Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Sharma, A. (2012). Correlates of juvenile delinquency: The role of family environment and self-esteem. *Advances in Asian Social Science (AASS)*, 4(1).
- Siti Noor Fazarina, S., Razima Hanim, O., Azahar, C. L., dan Norhamidah, J. (2016). The Relationship Between Parental Attachment Toward Delinquent Behavior among Young Offenders, *Southeast Asia Psychology Journal*, Vol. 3, (2015 – 2016), 15-23.
- Siti Salwani Azmi. (2009). Persepsi terhadap tingkah laku seks sebelum nikah di kalangan Mahasiswa Melayu, *Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
- Sternberg, R. J. & Barnes, M. L. (1988). *The psychology of love*. New Haven & London: Yale

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

University Press.

Trotter, J. (2006). Violent crimes? Young people's experiences of homophobia and misogyny in secondary schools, *Practice: Social Work in Action*, 18(4), 291-302.

Zulkifli, S.N., Low, W.Y. dan Yusof, K. (1995). Sexual Activities of Malaysian Adolescents. *Med J Malaysia*, 50(1), 4 – 10.

Khadijah, A., Salina, N., Fauziah, I., Noremy, M. A., Mohd Suhaimi, M., dan Noorhasliza, M. N. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja, *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131-140.